

## UMP anjur Karnival Bola Keranjang Tiga Lawan Tiga Institusi Pengajian Tinggi (IPT)



Kuantan, 8 Februari – Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganjurkan Karnival Bola Keranjang Tiga Lawan Tiga Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Dalam pertandingan ini, pasukan bola keranjang Universiti Teknologi Mara (UITM) muncul juara Kategori lelaki. Kemenangan tipis tersebut diraih selepas pasukan itu berjaya menewaskan pasukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) (A) dengan mata 16-14.

Tempat ketiga pula menjadi milik Universiti Malaysia Terengganu UMT (A) apabila menewaskan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) (A) dengan mata 18-8.

Manakala bagi kategori wanita, Kolej Sunway mendapat tempat pertama setelah menewaskan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan jaringan 13-5. Manakala tempat ketiga dan keempat dimenangi oleh UITM B dan UPSI.

Bagi kategori bawah 18 tahun Lelaki pula johan dimenangi oleh SMK Chung Hwa A, tempat kedua hingga keempat pula dimenangi oleh Sek Men. Sains Sultan Haji Ahmad D, Sek Men Sains Hulu Terengganu B dan Sek. Men. Sains Sultan Haji Ahmad Shah B.



Sementara itu, bagi kategori wanita pula tempat pertama dimenangi oleh Sek Men. Sains Sultan Haji Ahmad 1 diikuti Sek Men. Sains Sultan Haji Ahmad 5, Sek Men. Sains Sultan Haji Ahmad 3 dan Sek Men Sains Pasir Puteh Kelantan.

Dengan kemenangan tersebut pemenang bagi kategori IPT yang meraih tempat pertama membawa pulang wang tunai RM 1500.00, tempat kedua hingga ke empat pula membawa pulang wang tunai sebanyak RM 1000.00, RM700.00 dan RM 500.00 beserta piala iringan,medal dan sijil penyertaan.

Bagi hadiah bagi kategori bawah 18 tahun pula, tempat pertama menerima wang tunai RM 500 dan tempat kedua hingga keempat pula sebanyak RM 300.00, RM200.00 dan RM100.00 serta piala iringan,medal dan sijil.

Menurut Ketua Pusat Sukan UMP, Mohd Aznorizamin Ismail, penganjuran karnival ini merupakan karnival yang diadakan setiap tahun dan menjadi acara yang ditunggu-tunggu peminat bola keranjang.

"UMP berasa bangga dapat bersama-sama KPM dalam memupuk aktiviti sihat seperti sukan bola keranjang.Selain itu, penganjuran ini dapat memartabatkan sukan bola keranjang dengan mencari bakat-bakat baru di kalangan pelajar IPT," katanya.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian Sukan, Sektor Pengajian Tinggi Malaysia KPM, Hazally Jali dan hadir sama wakil bahagian Sukan, KPM Tony Azman Hassan.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

